

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

PENTING: SILA BACA LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK SEBELUM ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENERIMA PROGRAM PENUKARAN BAKI AUTOMATIK. SILA PASTIKAN ANDA JUGA MEMBACA TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT-i BANK ISLAM.



PENUKARAN BAKI AUTOMATIK KAD KREDIT-i BANK ISLAM 2 JANUARI 2020

1. APAKAH PROGRAM PENUKARAN BAKI AUTOMATIK ("ABC")?

Program Penukaran Baki Automatik (ABC) adalah program yang menukarkan baki Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang tertunggak kepada pelan pembayaran ansuran tetap pada kadar keuntungan yang lebih rendah untuk Ahli Kad-i yang memenuhi kriteria kelayakan. Program ABC ini akan mengurangkan kadar keuntungan yang dikenakan kepada Ahli Kad-i. Program ABC akan bermula dari 2 Januari 2020.

- a) Ahli Kad-i yang layak mengikut kriteria berikut akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program ABC :
 - i. Warganegara: Malaysia; dan
 - ii. Pendapatan bulanan: Kurang daripada atau bersamaan dengan RM5,000 (seperti rekod pendapatan di Bank); dan
 - iii. Rekod pembayaran: Purata pembayaran baki tertunggak adalah sepuluh peratus (10%) atau kurang dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lalu; dan
 - iv. Baki tertunggak minimum ialah RM1, 000; dan
 - v. Akaun Pembiayaan Kad-i Bank Islam adalah semasa dan tidak tertunggak.
- b) Hanya baki prinsipal transaksi runcit yang tertunggak Ahli Kad-i akan ditukarkan kepada ansuran bulanan tiga puluh enam (36) bulan. Baki skim pembayaran ansuran (seperti Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP) atau Pelan Bayaran Ansuran (IPP)) adalah tidak terpakai. Amaun minimum yang boleh ditukarkan ialah RM1,000.
- c) Amaun yang ditukarkan adalah sebahagian daripada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Had Pembiayaan Kad-i Bank Islam untuk Ahli Kad-i akan dikembalikan secara berperingkat berdasarkan ansuran bulanan yang dibayar dan ia akan dikembalikan sepenuhnya jika pembayaran penuh dibuat.
- d) Untuk penukaran kali pertama, Ahli Kad-i boleh memilih untuk keluar daripada Program ABC dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan berkenaan penukaran yang dihantar oleh pihak Bank kepada Ahli Kad-i. Walaubagaimanapun, untuk penukaran seterusnya, Ahli Kad-i akan diberi peluang untuk memilih keluar sebelum penukaran bermula.
- e) Walaupun Ahli Kad-i didaftarkan secara automatik ke dalam Program ABC, penukaran itu tidak akan berlaku jika semua kriteria kelayakan tidak dipenuhi pada bulan penukaran berkuatkuasa. Pembiayaan Kad-i Bank Islam Ahli Kad-i akan dinilai semula dan penukaran hanya akan dibuat setelah memenuhi kriteria kelayakan.
- f) Bagi Ahli Kad-i yang telah menyertai Program ABC, pihak Bank hanya akan menilai kelayakan Ahli Kad-i untuk pendaftaran automatik seterusnya ke dalam Program ABC, 12 bulan selepas penilaian terakhir berlaku. Sekiranya selepas penilaian semula, Ahli Kad-i didapati layak, Ahli Kad-i akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program ABC sekali lagi bagi baki Pembiayaan Kad-i Bank Islam baru yang tertunggak dan perlu dibayar dalam tiga puluh enam (36) ansuran bulanan.

2. APAKAH YANG AKAN SAYA PEROLEHI DARI PROGRAM INI?

Dengan menyertai Program ABC, anda akan menikmati kadar keuntungan efektif yang lebih rendah sebanyak 13% setahun sebaik sahaja baki prinsipal tertunggak Pembiayaan Kad-i Bank Islam ditukarkan kepada pembayaran ansuran tiga puluh enam (36) bulan.

Perbandingan kadar keuntungan biasa dengan kadar keuntungan di bawah Program ABC adalah seperti berikut :

Kadar Keuntungan Biasa Bank Islam		Kadar Keuntungan Program ABC
Peringkat 1 (13.5% setahun)	Jika bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang selama 12 bulan berturut-turut.	13.00% setahun
Peringkat 2 (16.0% setahun)	Jika bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang sebanyak 10 atau 11 kali dalam tempoh 12 bulan.	
Peringkat 3 (17.5% setahun)	Jika bayaran minimum dibuat sebelum atau pada tarikh matang 9 kali atau kurang dalam tempoh 12 bulan.	

3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

- Anda dikehendaki untuk membayar bayaran ansuran secara penuh bagi Program ABC ini sepanjang tempoh tiga puluh enam (36) bulan.
- Ansuran bulanan Program ABC ini adalah sebahagian daripada bayaran minimum bulanan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam anda. Ansuran bulanan bagi Program ABC adalah tetap dan hendaklah dibayar secara penuh pada atau sebelum tarikh matang bayaran.

Bayaran minimum bulanan adalah seperti yang berikut:

- 5% dari Baki Penyata (tidak termasuk Pelan Bayaran Ansuran (IPP), Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP), Program Penukaran Baki Automatik (ABC) dan Baki Qard) atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi; dan
- Baki Qard (jika ada); dan
- Bayaran Minimum Tertunggak (jika ada); dan
- Pelan Bayaran Ansuran (IPP) dan Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP) (jika ada); dan
- Program Penukaran Baki Automatik (ABC)

4. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

- Tiada yuran dan caj dikenakan kepada anda bagi penukaran baki prinsipal tertunggak ke Program ABC.
- Tiada yuran penyelesaian awal akan dikenakan jika anda membayar semua jumlah baki tertunggak sebelum tarikh matang.

5. APAKAH YANG AKAN BERLAKU JIKA SAYA GAGAL MEMATUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

- **Caj Ganti Rugi atas Kelewatan Pembayaran (Ta'widh)**

Caj ganti rugi atas kelewatan pembayaran 1% setahun ke atas jumlah baki belum bayar atau minimum RM5 yang mana lebih tinggi atau maksimum RM50 akan dikenakan untuk pembayaran lewat.

- **Caj Keuntungan**

Kadar keuntungan biasa akan dikenakan ke atas baki yang belum dibayar jika anda gagal membuat bayaran penuh ansuran bulanan.

- Sekiranya terdapat kemungkiran dalam pembayaran terhadap semua wang terhutang di bawah Pprogram ABC atau pembatalan Pembiayaan Kad-i Bank Islam, sebarang ansuran tertunggak atau baki wang yang belum dibayar di bawah program ini akan serta-merta menjadi tunggakan dan perlu dibayar oleh anda.

6. BOLEHKAH SAYA MEMBATALKAN PROGRAM ABC SELEPAS TARIKH PENUKARAN?

- a) Sekiranya anda ingin membatalkan Program ABC selepas penukaran, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam melalui telefon di 03 2690 0900 atau emel contactcenter@bankislam.com.my
- b) Amaun yang ditukarkan akan dikembalikan semula kepada Pembiayaan Kad-i Bank Islam dengan pembatalan Program ABC dan kadar keuntungan biasa akan dikenakan.

7. BAGAIMANAKAH JIKA SAYA MENYELESAIKAN SEPENUHNYA BAKI SEBELUM TARIK MATANG?

- a) Anda boleh menyelesaikan sepenuhnya baki dalam Program ABC pada bila-bila masa sebelum tempoh penukaran tamat.
- b) Anda dikehendaki membayar jumlah keseluruhan tertunggak termasuk ansuran bulanan yang tertunggak, caj keuntungan yang berkaitan, keuntungan terkumpul, Ta'widh dan baki semua wang lain yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

8. ADAKAH SAYA LAYAK UNTUK SEBARANG MATA GANJARAN DAN REBAT TUNAI SEMASA PENUKARAN BAKI AUTOMATIK?

Tiada ganjaran, mata atau rebat tunai yang akan diberikan kepada anda atas transaksi penukaran kepada Program ABC.

9. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Pusat Kad Bank Islam

Aras 24, Menara Bank Islam,
No 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2726 7666
Faks: 03-2726 7606
Emel: bicc.customer.service@bankislam.com.my
Laman web: www.bankislam.com.my

Jika anda ingin membuat aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, sila hubungi :

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2690 0900
Faks: 03-2782 1337
Emel: contactcenter@bankislam.com.my or customercare@bankislam.co.my

Jika kami tidak meyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR BAKI KAD KREDIT-i BANK ISLAM ANDA.

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Maklumat Produk ini sah bermula Januari 2020